

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN SITI FATIMAH BINTI YAHAYA
TARIKH : 29 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 4

Puan Siti Fatimah binti Yahaya minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan skim ataupun mekanisme khas bagi menyalurkan bantuan kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan menghidap penyakit kronik atau luar biasa serta memerlukan kos rawatan yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian masih belum menyediakan skim bantuan khas untuk “golongan yang menghidap penyakit kronik atau luar biasa serta memerlukan kos rawatan yang tinggi”. Walau bagaimanapun, agensi Kementerian iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada menyediakan pelbagai bantuan untuk mereka yang miskin dan kurang upaya termasuk penjaga kepada pesakit yang terlantar. Skim-skim bantuan JKM adalah seperti berikut:

(i) Skim Bantuan Bulanan

- a) Bantuan Am Persekutuan
- b) Bantuan Am Negeri
- c) Bantuan Kanak-Kanak (BKK)
- d) Bantuan Orang Tua (BOT)
- e) Elaun Pekerja Cacat (EPC)
- f) Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)
- g) Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)
- h) Bantuan Anak Pelihara (BAP)
- i) Bantuan Latihan Perantis

(ii) Bantuan Sekali Gus

- a) Geran Pelancaran (GP)
- b) Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan
- c) Tabung Bantuan Segera

Skim-skim ini telah diperkenalkan bagi meringankan bebanan keluarga/penjaga dan bagi menggalakkan keluarga/penjaga untuk menjaga ahli keluarga OKU terlantar atau menghidap penyakit kronik.

Selain pemberian bantuan dalam bentuk kewangan, Kementerian melalui JKM juga ada menyediakan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) yang merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU di rumah.

Selain skim bantuan JKM, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) juga telah memperkenalkan satu Skim Perlindungan Kesihatan Nasional B40 yang dikenali sebagai Skim mySalam. Skim mySalam bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu

SOALAN NO. 4

B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) 2019 yang berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka.

Skim mySalam menyediakan pembayaran sebanyak RM8,000 sekali gus sekiranya mereka disahkan menghidapi mana-mana satu daripada 36 penyakit kritikal seperti kanser, penyakit jantung, distrofi otot, Alzheimer, dan lain-lain. Selain itu, skim ini juga menyediakan manfaat hospitalisasi di mana pesakit akan mendapat bayaran gantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari, atau RM700 setiap tahun, kepada mereka yang menerima rawatan di mana-mana hospital kerajaan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah memperkenalkan pelbagai jenis bantuan kewangan kepada pesakit kurang berkemampuan yang menghidap penyakit kronik atau luar biasa seperti kanser, diabetes dan lain-lain. Di samping itu, terdapat juga inisiatif lain yang diwujudkan, khususnya yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri seperti skim khusus yang diwujudkan di bawah dasar Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri atau di bawah pengurusan Lembaga Zakat/Baitulmal.

Bagi perancangan jangka masa panjang, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia sebagai badan induk penyelarasan dasar dan program perlindungan sosial bagi memperkasakan sistem perlindungan sosial negara yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sendiri. Contoh inisiatif yang telah dimulakan ialah cadangan pelaksanaan skim perlindungan sosial kepada rakyat melalui inisiatif atau pelaksanaan insurans sosial seperti program i-Suri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**
TARIKH : **29 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 44

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam memastikan matlamat 30% penglibatan wanita dalam membuat dasar dan setakat ini berapa peratus pencapaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004 bermatlamat untuk melepasi 30 peratus dan mencapai kesaksamaan gender dengan penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara. Berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, peratus wanita dalam pengurusan tertinggi di sektor awam telah meningkat daripada 33.0 peratus pada tahun 2014 kepada 35.1 peratus pada tahun 2015 dan terkini kepada 36.1 peratus bagi tahun 2018. Terkini, ramai wanita telah dilantik pertama kali ke jawatan kepimpinan tertinggi di Malaysia seperti Ketua Hakim Negara (Datuk Tengku Maimun Tuan Mat), Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Puan Latheefa Koya), Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Dr Hasnita Hashim) dan Pengerusi Kumpulan Pemodalan Nasional Bhd (Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz). Selain itu, YBhg. Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus turut telah dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau merupakan wanita kedua dilantik untuk menerajui bank pusat selepas Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz. Peningkatan ini diharap akan dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

Kerajaan masih meneruskan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan di Sektor Korporat yang telah diumumkan pada tahun 2011. Berdasarkan senarai Bursa Malaysia, setakat tahun 2018, terdapat 24.4 peratus daripada 100 syarikat tersenarai awam tertinggi (*Public Listed Companies*) yang telah mempunyai wanita sebagai ahli dalam Lembaga Pengarahnya berbanding 19.2 peratus pada tahun 2017.

Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita merupakan kepentingan negara untuk mengarusperdanakan konsep gender dalam pembangunan negara. Salah satu sektor yang dikenalpasti dapat meningkatkan penglibatan wanita secara efektif ialah wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik. Penglibatan 30 peratus wanita

SOALAN NO. 44

dalam kepimpinan merupakan (dengan izin) satu *critical mass* yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa selain untuk membangun dan mengembangkan potensi wanita.

Berdasarkan Global Gender Gap Index 2018 terbitan World Economic Forum, Malaysia berada pada kedudukan ke-101 daripada 149 buah negara dengan *political empowerment*, dengan izin pada skor adalah 0.072 daripada skor 1. Satu skor yang masih rendah berbanding pendidikan yang telah mencapai kesamaan (parity) pada skor 1.0. Walau bagaimanapun, saya percaya kedudukan Malaysia bagi skor ini akan menunjukkan penambahbaikan kerana Kerajaan baharu telah melantik seorang Timbalan Perdana Menteri wanita. Di samping itu, jumlah menteri wanita juga telah bertambah daripada 3 orang kepada 5 orang menteri berportfolio penuh daripada 27 orang menteri keseluruhannya di bawah Kerajaan yang baharu. Inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian pada ketika ini turut sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian mengarusperdana gender (*gender mainstreaming*) yang sedang dijalankan dengan kerjasama *United Nations Development Programme (UNDP)*. Kajian yang sedang dijalankan ini akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi oleh wanita termasuk dari aspek pembuatan keputusan dan juga penglibatan dalam politik. Dapatan kajian akan digunakan untuk menambahbaik dasar dan pelan tindakan bagi memastikan penglibatan wanita dalam pentadbiran dan pembangunan negara yang efektif.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya berharap wanita-wanita yang memegang portfolio dalam Kerajaan baharu dapat menunjukkan contoh yang terbaik daripada segi prestasi dan integriti supaya Kerajaan dan rakyat akan terus memberi mandat

SOALAN NO. 44

kepada wanita di masa hadapan. Saya menyeru agar Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini turut menyokong pemerkasaan agenda wanita dan memberikan peluang kepada wanita dalam proses pembangunan kesejahteraan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN ASMAK BINTI HUSIN**
TARIKH : **29 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 65

Puan Asmak binti Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menjalankan kerjasama pintar untuk menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di institusi masjid dan pondok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan satu program yang diberi keutamaan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11); “Strategi B5: Menambah baik Persekitaran Warga Emas” di mana Kerajaan akan meneruskan usaha bagi menambah bilangan PAWE dengan sasaran satu PAWE, satu Parlimen (222 Parlimen).

Sehingga Jun 2019, sebanyak **88** buah PAWE telah ditubuhkan di seluruh negara dan Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM17 juta bermula tahun 2018 sehingga 2023 bagi penubuhan PAWE baharu. Pada tahun 2019, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM5 juta bagi menubuhkan sekurang-kurangnya 45 buah PAWE dan menjadikan bilangan pada akhir tahun 2019 dijangka berjumlah 133 buah PAWE.

Bagi memastikan PAWE kekal relevan menjadi pusat sehenti yang aktif, menarik minat dan penglibatan warga emas, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan kerjasama pintar dengan pelbagai pihak seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Universiti dan NGO berkaitan.

Sehubungan dengan itu, JKM amat menggalakkan mana-mana pihak yang berminat untuk menjalin kerjasama bersama JKM dalam menjayakan program PAWE dan pada masa ini terdapat satu projek PAWE@Masjid yang dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak iaitu PAWE Lekir dalam Daerah Manjung, Perak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN LIM HUI YING**
TARIKH : **29 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 107

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah untuk membanteras eksploitasi kanak-kanak secara seksual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara penambahbaikan dalam langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kesalahan seksual terhadap kanak-kanak adalah seperti berikut:

Perundangan dan kehakiman

- (i) Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 untuk memperkukuh perlindungan terhadap mangsa kesalahan seksual kanak-kanak pada tahun 2016;
- (ii) Penguatkuasaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang diluluskan Parlimen pada April 2017 dan berkuatkuasa pada 7 Julai 2017 ;
- (iii) Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Putrajaya pada tahun 2017 dan di Kuching pada tahun 2018. Selanjutnya, Kerajaan kini dalam perancangan memperluas penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ke setiap negeri di Malaysia;

Mekanisme dan sistem

- (iv) Penguatan Daftar Kanak-Kanak dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;
- (v) Pelancaran Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak pada 26 Mac 2019;

Advokasi dan pencegahan

- (vi) Penekanan aspek pencegahan melalui kempen keselamatan kanak-kanak di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K (Banteras Indeks Jenayah terhadap Kanak-Kanak) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (vii) Program Pemerkasaan Keluarga Dan Komuniti (FACE) yang memberi fokus kepada pengukuhan institusi keluarga dan komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius isu kesalahan seksual, lebih-lebih lagi apabila melibatkan kanak-kanak. Di kesempatan ini, saya menyeru Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk kita bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam isu-isu berkaitan perlindungan kanak-kanak di negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**
TARIKH : **29 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 114

Puan Bathmavathi Krishnan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal selia dan memantau berpuluh pusat perkhidmatan autisme yang telah ditubuhkan oleh pihak swasta yang mengenakan yuran yang amat tinggi tetapi tidak menyediakan perkhidmatan yang memuaskan serta kakitangan dan ahli terapi yang bertauliah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) bertanggungjawab ke atas pusat jagaan sebagaimana peruntukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Berdasarkan kepada Peraturan tersebut setiap pengendali pusat jagaan hendaklah mengikut standard minimum yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Peraturan 5, pengendali hendaklah memastikan bahawa penjaga yang diambil bekerja untuk menjaga penghuni adalah terlatih atau berpengalaman dalam aspek memberi jagaan dan hendaklah memastikan bahawa penghuni adalah diberi jagaan dan pengawasan yang mencukupi;
- ii. Peraturan 6, pengendali sesuatu pusat jagaan berkediaman hendaklah juga memastikan penyimpanan dan penyenggaraan rekod rekod harta, rekod kesihatan, rekod/surat-surat kebenaran bagi rawatan perubatan setiap penghuni daripada ibu bapa atau penjaga sah atau saudara penghuni itu.
- iii. Peraturan 7, tiap-tiap pusat hendaklah mengadakan suatu program aktiviti harian yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah yang meliputi:
 - (a) Kemudahan latihan, aktiviti agama dan rekreasi bagi penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan;
 - (b) Kemudahan rawatan dan terapi bagi penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan yang berkenaan,
 - (c) dan dalam mengadakan program itu, keperluan sosial, emosi, fizikal dan intelektual penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan hendaklah diambil kira.

SOALAN NO. 114

- iv. Peraturan 14, keluasan minimum ruang lantai yang dikehendaki bagi setiap penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan hendaklah seperti berikut:
- | | | |
|-----|---|-------------------|
| (a) | Kanak-kanak di bawah umur sepuluh tahun | 3.5 meter persegi |
| (b) | orang kurang upaya | 3.5 meter persegi |
| (c) | remaja | 3.0 meter persegi |
| (d) | orang tua | 3.0 meter persegi |
- v. Peraturan 17, pengendali tiap-tiap pusat hendaklah menyediakan suatu skim yang praktik bagi pengosongan premis pusat itu sekiranya berlaku kebakaran.
- vi. Peraturan 19, tiap-tiap pusat hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya satu tandas bagi tiap-tiap lima orang penghuni dalam keadaan cuci dan bersih.
- vii. Peraturan 20, bekalan air yang mencukupi perlu diadakan.
- viii. Peraturan 21, tiap-tiap pusat jagaan berkediaman hendaklah menyediakan kemudahan tempat tidur, membasuh pakaian dan bilik mandi berasingan bagi penghuni lelaki dan perempuan.
- ix. Peraturan 22, semua makanan dan minuman yang disediakan hendaklah sempurna dan bersih serta mematuhi skala diet yang diluluskan oleh Ketua Pengarah
- x. Peraturan 24, pengendali pusat jagaan hendaklah membuat pemeriksaan perubatan kepada penghuni bila masa perlu

Kesemua yang dinyatakan **adalah wajib dipatuhi** oleh semua pengendali pusat jagaan. Mana-mana pengendali pusat jagaan yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan. Apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

SOALAN NO. 114

Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan pusat jagaan yang dikendalikan oleh pihak swasta berada di tahap yang tinggi, Kementerian melalui JKM juga menjalankan pemantauan ke pusat jagaan berkaitan.

Di antara bentuk pemantauan yang dijalankan ialah :

- (a) Menjalankan aktiviti pengesanan ke Pusat Jagaan tidak berdaftar sepanjang masa dan memberi peringatan supaya berdaftar dengan JKM;
- (b) Menjalankan pemeriksaan berkala iaitu setiap enam bulan dan juga pemeriksaan mengejut ke premis Pusat Jagaan oleh Pegawai Diberi Kuasa;
- (c) Mengambil tindakan penguatkuasaan seperti di dalam peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 seperti Arahan Bertulis, Tutup Sementara, Batal Pendaftaran, Lak, Kompaun dan menjalankan pendakwaan di Mahkamah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**
TARIKH : **29 JULAI 2019 (ISNIN)**

SOALAN NO. 123

Puan Hajah Rahemah Binti Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan rasional kepada program kesedaran seks kepada kanak-kanak dan menjelaskan modul kepada program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Rasional kepada program pendidikan seksual ini adalah disebabkan oleh isu-isu berkaitan tingkah laku seksual yang melibatkan kanak-kanak seperti rogol, sumbang mahram, seks bebas, pengguguran tidak selamat dan pembuangan bayi. Kebimbangan ditambah lagi apabila dapatan Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Reproduktif dan Seksual Remaja di Semenanjung Malaysia 2011 oleh LPPKN menunjukkan prevalen hubungan seks luar nikah adalah sebanyak 5.8 peratus. Dalam kalangan mereka ini, 18.6 peratus mempunyai dua atau lebih pasangan seks. Kajian yang sama di Sabah dan Sarawak menunjukkan prevalen hubungan seks adalah sebanyak 2.9 peratus bagi remaja bersekolah berumur 13 ke 18 tahun, sementara peratusnya meningkat lebih ketara dalam kalangan remaja 19 ke 24 tahun yang berada di kolej atau universiti dan berada di luar institusi pengajian iaitu masing-masing sebanyak 10.9 dan 32.5 peratus.

Kajian Faktor Risiko dan Pelindung tersebut juga mendapati bahawa pengetahuan yang tinggi terhadap kesihatan reproduktif dan seksual serta sikap yang positif terhadapnya merupakan faktor pelindung terhadap tingkah laku seksual berisiko dalam kalangan remaja. Demikian itu memberi pendidikan seksual yang tepat dan bersesuaian dengan umur kanak-kanak adalah sangat diperlukan dan ini dapat dilakukan dengan pembelajaran melalui kurikulum sekolah di samping program sokongan daripada agensi berkepentingan seperti KPWK melalui LPPKN, KKM, JAKIM dan Badan-badan Bukan Kerajaan. Perkara pendidikan seksual juga adalah sejajar dengan dasar kerajaan melalui Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) 2009.

Sementara itu, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2014 oleh LPPKN juga menunjukkan pengetahuan remaja 13 ke 24 tahun tentang kesihatan reproduktif dan seksual adalah sederhana iaitu 48.5 peratus dapat mengenal pasti gambar rajah tempat janin membesar, 64.7 peratus tahu bahawa virus HIV adalah penyebab penyakit AIDS dan hanya 23.0

SOALAN NO.124

peratus mempunyai pengetahuan berkaitan simptom penyakit jangkitan seksual.

KPWKM melalui LPPKN telah sejak sekian lama menjalankan program-program PEKERTI dan sejak 2011 hingga 2018 sebanyak 290,048 orang muda telah mendapat manfaat daripadanya. Program ini menggunakan modul-modul yang dihasilkan oleh LPPKN dan dilaksanakan melalui Pusat Remaja KafeTEEN dan melalui pelaksanaan program PEKERTI di institusi pendidikan, pusat pemulihan JKM dan komuniti. Program ini juga dilanjutkan kepada ibu-bapa sebagai pengukuhan agar dapat memberi *outcome* yang lebih berkesan.

Antara Modul yang dihasilkan oleh LPPKN ialah Modul Cakna Diri, Modul Cakna Diri Lelaki 16 ke 24 tahun, Modul Kesejahteraan Hidup, Modul PEKERTI@Sekolah masing-masing untuk sekolah Rendah dan Menengah, Modul Cakna Diri edisi Ibu-bapa dan yang terbaru adalah Modul MEKAR (Mewarnai Eksplorasi Kehidupan Alam Remaja).

Modul-modul ini kesemuanya adalah komprehensif dan memfokus kepada abstinen atau mengekang diri daripada melakukan hubungan seks. Walau bagaimanapun terdapat juga topik-topik yang bersesuaian bagi remaja yang tergolong dalam kumpulan lebih berisiko iaitu bagi mereka yang sudah pun aktif seks atau amat terdedah kepada perlakuan seks berisiko.

Antara kandungan yang terdapat dalam modul di atas adalah pengetahuan asas tentang perkembangan akil balikh, nilai dan tanggungjawab seksualiti, kesan akibat hubungan seks pada usia muda, penderaan dan jenayah seksual, kesedaran tentang gender, penyakit jangkitan seksual termasuk HIV/AIDS, keganasan berasaskan gender, kekeluargaan dan konsep 3R (*Rights, Respect and Responsibility*) dalam perhubungan. Selain itu, modul memasukkan pembangunan kemahiran diri untuk menghindari hubungan seks yang tidak diingini dan pengukuhan jati diri. Keselamatan Internet, pornografi dan seks siber juga dimasukkan dalam menghadapi kesan negatif perubahan zaman teknologi kini.

SOALAN NO.124

Bagi kumpulan sasar berisiko tinggi, modul memasukkan topik seks selamat, maklumat tentang kaedah kontraseptif dan kesedaran tentang penderaan emosi serta fizikal di dalam perhubungan. Topik peraturan dan undang-undang berkaitan tingkah laku sosial dan seksual berisiko juga dimasukkan sebagai pengetahuan penting dalam membuat keputusan dalam kehidupan. Modul MEKAR pula menambah topik pemerdagangan manusia dan kupasan tentang kesan memilih kehidupan sebagai LGBT.

Selain daripada itu, agensi lain seperti KKM juga mempunyai modul yang berkaitan dengan kesihatan reproduktif dan seksual untuk golongan berkeperluan khas. NGO-NGO seperti *Federation of Reproductive Health Association of Malaysia (FRHAM)*, *Women Center for Change (WCC)* dan *All Action Women's Society (AWAM)* juga ada menghasilkan modul-modul yang berkonsep sama.

Pada tahun 2017, LPPKN telah menjalankan Kajian *Youth Intervention Study: Best Practices of Youth Intervention Programmes in Malaysia*. Kajian ini menganalisa modul-modul kesihatan reproduktif dan seksual yang terdapat di Malaysia, melihat kepada kekuatan dan kelemahannya, dan seterusnya menghasilkan sebuah model dan modul terbaik hasil daripada dapatannya. Modul yang dihasilkan adalah Modul MEKAR yang juga telah dikaji keberkesannya pada masa yang sama di dalam kajian tersebut. Setiap modul yang dibangunkan mempunyai kekuatan masing-masing dan penggunaannya adalah mengikut kesesuaian pada jenis kumpulan sasar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' ONG CHONG SWEN
TARIKH : 29 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 137

Dato' Ong Chong Swen minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkembangan dalam kerjasama dengan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Programme - UNDP) seperti projek warga emas di Taiping. Sekiranya projek ini dianggap berkesan, bilakah ianya akan dilaksanakan di tempat-tempat lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPKWM) melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan *United Nations Development Programme* atau UNDP, akan melaksanakan projek daerah mesra warga emas atau dengan izin *age-friendly city* melalui projek rintis di Taiping, Perak. Projek rintis selama dua (2) tahun ini (2019 – 2020) yang merupakan fasa pertama projek iaitu fasa perancangan akan dijalankan berdasarkan panduan *age-friendly city* daripada *World Health Organisation* (WHO).

Berdasarkan kepada penemuan dalam Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas Menjelang 2030, *Ageing and Elderly Population in Perak Study 2017* yang telah dilaksanakan oleh Institut Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia serta unjuran dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Negeri Perak merupakan antara negeri terawal yang akan mencapai tahap negeri tua iaitu sekitar tahun 2020 apabila penduduk warga emas telah mencapai 15% daripada keseluruhan populasi penduduk di Negeri Perak

Merujuk kepada garis panduan WHO, pelaksanaan *age-friendly city* terbahagi kepada empat (4) peringkat iaitu perancangan pada dua (2) tahun pertama, pelaksanaan pada tahun ketiga sehingga kelima, dan seterusnya penilaian kemajuan dan penambahbaikan berterusan. Projek KPWKM dengan UNDP melalui projek rintis di Taiping, Perak hanya akan melaksanakan peringkat perancangan sahaja buat masa ini.

KPWKM, MEA dan UNDP telah menandatangani dokumen projek ini pada 31 Mei 2019 bagi memeterai perjanjian kerjasama antara pihak Kerajaan dan UNDP. Pihak UNDP akan bertanggungjawab sepenuhnya dalam isu-isu berkaitan pengurusan kewangan manakala pihak Kerajaan pula akan bertanggungjawab daripada segi perancangan dan pelaksanaan projek dengan kerjasama perunding dalam menghasilkan dua (2) output yang disasarkan. Projek rintis ini sedang dalam tindakan

SOALAN NO. 137

UNDP untuk pelantikan perunding dan akan terus dilaksanakan selepas pelantikan perunding selesai dalam masa terdekat.

Dua (2) output utama projek ini yang akan dilaksanakan di Taiping, Perak adalah kajian penilaian keperluan asas melalui sesi konsultasi serta penilaian sejauh mana bandar tersebut mesra usia, serta satu kerangka kerja bagi membangunkan satu *age-friendly city* mengikut indikator yang digariskan di dalam garis panduan WHO tersebut.

Kerangka kerja yang dihasilkan akan boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan lain kelak bagi mewujudkan daerah mesra warga emas, yang mana akan turut disesuaikan dengan keperluan warga emas dan komuniti di lokaliti masing-masing. Keberkesanan projek ini hanya akan boleh dinilai selepas lima (5) tahun seperti yang dicadangkan oleh WHO. Sekiranya pelaksanaan projek ini terbukti berkesan, Kerajaan akan mencadangkan agar pelaksanaannya dapat disebar luas ke seluruh negara.